

PM pengerusi mesyuarat pertama Meja Bulat Bioteknologi di AS

PUTRAJAYA 18 Sept - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempengerusikan mesyuarat pertama Meja Bulat Bioteknologi 2005 di San Francisco, Amerika Syarikat (AS) esok.

Menurut kenyataan Jabatan Perdana Menteri hari ini, mesyuarat itu akan dianggotai oleh 13 saintis termasuk penggerak utama industri berkenaan di AS.

"Mereka dipelawa untuk menyumbangkan idea mengenai haluan biotek di peringkat serantau dan global dan pada masa yang sama membincangkan cabaran yang bakal dihadapi oleh negara dalam membangunkan bidang

berkenaan," menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, mereka juga akan menawarkan perspektif mengenai bagaimana perancangan Malaysia dapat disesuaikan dengan trend dan realiti berkenaan di samping mengenal pasti peluang-peluang.

Anggota Meja Bulat Bioteknologi 2005 dianggotai oleh dua profesor dari Institut Teknologi Massachusetts, Prof. Anthony J. Sinskev dan Prof. Cho Kyun Rha.

Turut menganggotainya ialah Pengurus Besar Penjagaan Kesihatan & Sains Hayat D3M, Dr. Caroline Kovac dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Metamorphix, Dr. Edwin

Quattlebaum.

Anggota lain ialah Canselor Universiti Curtin, Dr. Eric Tan; Eksekutif Residen Fakulti Pengurusan Sloan, Dr. Frank L Douglas; Naib Pengerusi Lehman Brothers, Fred Frank; Pengasas Institut J. Craig Venter. Dr. J Craig Venter.

Presides Pusat Pcnyelidikan Kanser Fred Hutchison, Dr. Leland Harrwell; Pengarah Eksekutif Universiti California di San Fransisco. Dr. Regis Kelly; Presiden Pusat Sains Tumbuhan Danforth. Dr. Roger Beachy, Pengarah Urusan Burrill & Company, Dr. Roger Wyse dan Rakan Kongsi Ernst & Young. Scott Momson.